

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

LAPORAN SIASATAN EAIC BERHUBUNG ISU POSITIF DADAH DI PUSPEN SERDANG

***UNTUK SIARAN SEGERA
26 FEBRUARI 2025***

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menjalankan siasatan ke atas aduan terhadap Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengenai 47 klien Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Serdang yang disyaki positif dadah jenis methamphetamine.

HASIL SIASATAN

Siasatan telah dijalankan selaras dengan subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Hasil siasatan mendapati terdapat pelanggaran arahan berhubung larangan membawa masuk bahan terlarang ke dalam PUSPEN yang dilakukan oleh pegawai sewaktu bertugas.

SYOR

- (i) EAIC memutuskan untuk merujuk hasil siasatan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib AADK dengan syor hukuman tatatertib terhadap pegawai terlibat di bawah Peraturan 38 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] kerana ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 4(2)(i) Peraturan yang sama;

- (ii) membuat laporan polis berhubung kejadian tersebut; dan
- (iii) mengesyorkan langkah penambahbaikan yang merangkumi:
 - (a) pindaan terhadap Perintah Tetap Ketua Pengarah;
 - (b) latihan diberikan kepada pegawai penyiasat;
 - (c) pindaan terhadap Sasaran Kerja Utama agar *flushing* dilakukan dengan lebih kerap bagi mengelakkan kejadian berulang; dan
 - (d) kawal selia yang lebih ketat bagi memastikan tiada bahan terlarang dibawa masuk ke PUSPEN.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.